

Karya Utama Syeikh Muhammad Nafis Al-Banjari: Analisa Teks Manuskrip *Al-Durr Al-Nafis* (MSS 225)

NOOR SYAHIDAH MOHAMAD AKHIR

ABSTRAK

Kitab al-Durr al-Nafis adalah salah satu khazanah persuratan Melayu Islam abad ke-18 M. Ia membincangkan tentang ilmu tasawuf peringkat tinggi. Disebabkan masih tiada penganalisisan teks al-Durr al-Nafis (MSS 225) secara khusus, maka artikel ini memilih teks tersebut sebagai kajian. Hasil kajian akan memperlihatkan tentang gaya penulisan kitab termasuk cara penyusunan dan sumber rujukan penulisan. Di samping itu, keistimewaan kitab tersebut dapat dikeluarkan dan pendekatan yang diketengahkan dapat dikenal pasti.

Kata kunci: Syeikh Muhammad Nafis, teks al-Durr al-Nafis (MSS 225), persuratan Melayu Islam

ABSTRACT

The book al-Durr al-Nafis is one of the heritages of Muslim Malay literature in the 18th Century. It contains discussion of high-level tasawuf. Due to the absence of specific text analysis of al-Durr al-Nafis (MSS 225), this article has selected the text as focus of study. The result of the study reveals the style of writing of the book, including the way of arrangement and the references. In addition, the unique features of the book are highlighted and the methods that have been applied are identified.

Key words: Syeikh Muhammad Nafis, text of al-Durr al-Nafis (MSS 225), Muslim Malay literature

PENGENALAN

Syeikh Muhammad Nafis merupakan ulama Banjar antara abad ke-18 dan 19 M. Beliau terkenal sebagai ulama sufi alam Melayu. Karya utamanya adalah *al-Durr al-Nafis* iaitu sebuah karya berpengaruh di rantau ini. Kitab ini tersebar ke seluruh kawasan Nusantara termasuk Malaysia, Thailand dan Indonesia. Ramai di kalangan ilmuwan menggunakan kitab ini sebagai teks pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam pengajian tasawuf. Khazanah persuratan Melayu Islam ini tidak seharusnya dibiarkan begitu sahaja tanpa sebarang kajian terperinci berhubung dengannya. Adalah menjadi suatu perkara penting untuk meneliti teks *al-Durr al-Nafis* (MSS 225) agar ia menjadi suatu warisan yang tidak diabaikan.

BIOGRAFI SYEIKH MUHAMMAD NAFIS AL-BANJARI

Gelaran al-Banjari menunjukkan bahawa tokoh ini berasal daripada etnik Banjar. Etnik ini sinonim dengan masyarakat yang mendiami Kalimantan Selatan yang berpusat di Banjarmasin. Syeikh Muhammad Nafis merupakan keturunan bangsawan

kesultanan Banjar. Beliau dilahirkan di Martapura, Kalimantan Selatan dan hidup sekitar antara abad ke-18 dan 19 M.

Syeikh Muhammad Nafis mendapat pendidikan awal di Kalimantan Selatan. Beliau telah diambil sebagai anak angkat oleh Sultan Tahlillah (1700-1745 M) disebabkan kecerdikannya kerana mampu membaca al-Quran ketika usianya tujuh tahun (Maimunah Zarjasyi 2008: 40). Beliau terpilih untuk melanjutkan pengajian di peringkat tinggi di Timur Tengah dan mendapat tajaan daripada sultan. Beliau telah mengambil kesempatan untuk mendalami ilmu agama terutamanya dalam bidang tasawuf dengan berguru kepada ulama-ulama terkemuka. Antara para guru beliau adalah Shaykh ‘Abdullah Bin Hijazi al-Sharqawi, Shaykh Siddiq Ibn ‘Umar Khan, Shaykh Muhammad Ibn ‘Abdul Karim al-Samman al-Madani, Shaykh ‘Abdul Rahman Ibn ‘Abdul al-‘Aziz al-Maghribi, Shaykh Muhammad Ibn Ahmad al-Jawhari (Muhammad Nafis (MSS 225): 11, 22, 30, 44, 50 & 61. Dari segi aliran fahaman, Syeikh Muhammad Nafis mengikut mazhab Syafie dan Ahli Sunnah Wal Jama‘ah. Beliau turut mengikuti beberapa jenis tarekat iaitu Qadariyyah, Syatariyyah, Naqsyabandiyyah, Khalwatiyyah dan Sammaniyyah. Berikut merupakan petikan teks dari karya *al-Durr al-Nafis*:

"... محمد نفيس بن أدریس بن الحسين البنجاري منشأً والمكى
مسكناً والشافعى مذهباً والأشعرى اعتقاداً..."

"...iaitu Muhammad Nafis Bin Idris Bin Husain di negeri Banjar tempatnya jadi dan di negeri Makkah diamnya dan syafie akan mazhabnya yaitu pada fiqh dan Asya'ari iktiqadnya yaitu pada usuluddin...".

(*al-Durr al-Nafis* (MSS 225): 75)

"...والجندى اماماً والقادرى طریقه والشطري لباساً"

"النقشبندى عملاً والخلوئي مطعمماً والسمانى مشرباً..."

"...dan Junaidi ikutannya yaitu pada ilmu tasawuf dan Qadariyyah tarekatnya dan Syattariyyah pakaiannya dan Naqsyabandiyyah amalannya dan Khulwatiyyah makanannya dan Sammaniyyah minumannya..."

(*al-Durr al-Nafis* (MSS 225): 75)

Di sebabkan ketinggian keilmuan, beliau telah mendapat beberapa gelaran iaitu "Shaykh al-Murshid" atau "Maulana al-'Allamah al-Fahamah al-Murshid Ila Tariqis Salamah" (Noriza Salleh 2011: 372). Ada juga yang menyebut sebagai "Maulana al-'Allamah al-Fakhamah al-Murshid Ila Tariq al-Salamah" yang bermaksud yang mulia, yang berilmu tinggi, yang terhormat, pembimbing jalan keselamatan. Beliau juga telah menerima ijazah daripada gurunya untuk mengajarkan tarekat.

Syeikh Muhammad Nafis pulang ke alam Melayu setelah menamatkan pengajiannya di Timur Tengah. Sebelum pulang ke Kalimantan Selatan, beliau telah singgah terlebih dahulu di Sumbawa, Indonesia. Di sana, beliau telah mendalami lagi tarekat Sammaniyyah dan menyebarkan dakwah di sana (Van Bruinessen 1993: 4). Beliau pulang ke Kalimantan Selatan ketika pemerintahan Sultan Tahmidillah II (1785-1808 M) (Ahmadi Isa 1996: 37). Di Kalimantan Selatan, beliau gemar melakukan kegiatan pendakwahan di kawasan-kawasan pedalaman antaranya di daerah Kalua. Dari segi penulisan, beliau telah menghasilkan beberapa karya iaitu *al-Durr al-Nafis*, *Majmu' al-Asrar*, *Kanz al-Sa'adah*, *Huruf-huruf Abjad Dalam al-Quran*, *Ilmu Haqiqat Yang Sebenar dan Masalah Orang Yang Dijadikan Imam*.

Tahun kematian beliau tidak dapat dipastikan dengan tepat, namun berdasarkan *Ensiklopedia Tasawuf* menyatakan bahawa Syeikh Muhammad Nafis meninggal pada tahun 1812 M (UIN Syarif Hidayatullah 2008: 851). Beliau meninggal di Kalimantan Selatan dan terdapat perbezaan

pendapat berhubung tempat beliau di makamkan. Ada pandangan beliau dimakamkan di Kalua, Pelaihari dan Tungkar Tanah Laut.

LATAR BELAKANG KARYA *AL-DURR AL-NAFIS*

Karya *al-Durr al-Nafis* merupakan sebuah karangan Syeikh Muhammad Nafis yang termasyhur berbanding karya-karyanya yang lain. Rentetan daripada pengaruh kitab inilah nama Syeikh Muhammad Nafis dikenali sebagai ulama sufi alam Melayu. Karya *al-Durr al-Nafis* tersebar diseluruh pelusuk alam Melayu dan dijadikan panduan para guru dan pelajar khususnya dalam bidang tasawuf.

Terdapat enam naskhah kitab *al-Durr al-Nafis* yang disimpan di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia. Naskhah-naskhah ini mempunyai pelbagai versi dari segi judul, status dan bahasa yang digunakan. Berikut merupakan naskhah-naskhah tersebut: 1) *Durr al-Nafis* (MSS 1428) dan (MSS 1634 (A)), lengkap dalam bahasa Melayu; 2) *Durr al-Nafis* (MSS 1349), tidak lengkap dan ditulis dalam bahasa Melayu; 3) *Durrah al-Nafis* (MSS 2488 (A)) yang lengkap ditulis dalam bahasa Melayu dan Arab; 4) *Durr an-Nafis* (MSS 3979) yang tidak lengkap dan ditulis dalam bahasa Melayu dan Arab, 5) *Durr al-Nafis* (MSS 4004 (C)), naskhah lengkap dan ditulis dalam bahasa Melayu dan Arab; 6) *al-Durr al-Nafis* (MSS 225) yang merupakan naskhah yang lengkap, ditulis dalam bahasa Melayu dan Arab (Katalog Manuskrip Melayu). Kajian ini hanya memilih naskhah *al-Durr al-Nafis* bernombor (MSS 225) kerana ia sebuah naskhah yang lengkap, bertulisan kemas, berbahasa Melayu dan Arab serta mempunyai salinan mikrofilem.

Kitab *al-Durr al-Nafis* telah ditashih oleh ramai tokoh terkemuka. Antara mereka ialah Syeikh Ahmad al-Fathani (1325 H/1908 M) yang merupakan pentashih pertama kitab ini (Wan Mohd Shaghir Abdullah 2009: 175). Syeikh Tok Gudang al-Fathani yang merupakan murid Syeikh Ahmad al-Fathani juga merupakan antara pentashih kitab *al-Durr al-Nafis* (Wan Mohd Shaghir Abdullah 2009: 70). Pentashih lain ialah Syeikh Idris Bin Husein al-Kalantani, Syeikh Abdullah Bin Ibrahim al-Qadhi Kedah, Syeikh Idris al-Marbawi, Syeikh Ilyas Ya'qub al-Azhari (Wan Mohd. Shagir Abdullah 2000: 54). Di sebabkan permintaan yang tinggi, kitab *al-Durr al-Nafis* banyak mendapat perhatian daripada para penerbit. Terbitan pertama oleh Matba'ah al-

Miriyyah di Bulaq, Mesir, edisi cetakan oleh Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1302 H /1884 M. (Mesir) (Wan Mohd. Shagir Abdullah 2000: 52). Cetakan Dar al-Taba'ah al-Misriyyah, 1347 H /1928 M. (Mesir) (Kautsar Azhari Noer 2008: 177). Terbitan Matba'ah al-Misriyyah, 1323 H. Termuat ditepi kitab *Hidayah al-Salikin* karya Syeikh Abdul Samad al-Falimbanī (Makkah) (Tim Sahabat 2010: 18). Terbitan oleh Matba'ah al-Miriyyah al-Kainah, 1312 H. (Makkah) (Wan Mohd Shagir Abdullah 2004: 5). Cetakan Muhammad Majid al-Kurdi, 1330. (Makkah) (Wan Mohd Shagir Abdullah 1993: 34). Terbitan oleh Maktabah Matba'ah Mara'ie, bulan Ramadhan 1347 H. (Singapura). Terbitan Maktabah Sulaiman Mari'wa Syirkahu (t.t.) (Surabaya) (Kamarudin Ali 1998: 19). *Kitab Durr an-Nafis Fi Bayani Wahidah al-Af'al wa al-Asma' wa al-Sifat wa al-Dhat Dhati al-Taqdis*, Darul Ma'arif (Malaysia) dan banyak lagi di pelbagai negara.

Kitab *al-Durr al-Nafis* merupakan sebuah karya yang membincangkan ilmu tasawuf. Nama pengarang kitab *al-Durr al-Nafis* dicatatkan di bahagian akhir naskhah. Kitab ini selesai dikarang pada 1200 H /1785 M dan ditulis dalam tulisan jawi untuk memudahkan pembacaan dan pemahaman bagi mereka yang tidak mengetahui bahasa Arab. Berikut merupakan petikan teks berkaitan perkara tersebut :

"وبعد فلما كانت سنة ألف ومائتين من هجرة النبي الكريم على صاحبها من ربه افضل الصلاة واذ كى التسليم"

"Dan kemudian daripada itu maka tatkala adalah pada tahun seribu dua ratus daripada hijrah nabi yang mulia atas empunya dia daripada tuhannya rahmat yang amat lebih dan haluan yang amat suci".

(*al-Durr al-Nafis* (MSS 225): 1)

"ان اصنع له رسالة مختصرة بلسان الجاوي اللين ليتفع بها من لا يعرف لسان العرب البين"

"Bawahaku perbuatkan baginya suatu risalah yang simpan dengan bahasa jawi yang lemah lembut supaya memberi manfaat dengan dia akan orang yang tiada mengetahui akan bahasa Arab yang nyata".

(*al-Durr al-Nafis* (MSS 225) : 2)

Tujuan dan sasaran penulisan kitab *al-Durr al-Nafis* adalah agar para *salik* dapat menghindarkan dirinya daripada *shirik khafi*, *riya'* dan *'ujub* dalam sesuatu amalan. Ini bersesuaian dengan kandungan

kitab ini yang menekankan tentang ilmu hakikat, *maqam*, tasawuf dan berkenaan para *mushahadah* kepada Tuhan. Berikut merupakan petikan teks:

"لخلص السالكين من الشرك الخفي والرياء والعجب للاعمال"

"Supaya melepaskan ia akan segala orang yang salik itu daripada shirik khafi dan daripada riya' dan 'ujub bagi segala amal".

(*al-Durr al-Nafis* (MSS 225): 2)

Dengan ini dapatlah digambarkan bahawa kitab *al-Durr al-Nafis* merupakan sebuah kitab tasawuf yang mempunyai pengaruh di alam Melayu.

GAYA PENULISAN KARYA *AL-DURR AL-NAFIS* (MSS 225)

Penyusunan Isi Kitab *al-Durr al-Nafis* (MSS 225)

Kitab *al-Durr al-Nafis* mempunyai tiga bahagian utama iaitu pendahuluan, kandungan dan penutup. Bahagian kandungan dibahagikan kepada beberapa bahagian perbincangan yang dapat dikategorikan sebagai *fasal*, *khatimah*, *tatimmah* dan *takmilah*. Di samping itu, ia juga turut membincangkan beberapa masalah yang tinggi antaranya ilmu hakikat, *maqam* golongan tasawuf, dan orang-orang yang *mushahadah* kepada Allah S.W.T. Berikut merupakan petikan teks :

"ورتبها على مقدمة واربعة فصول وخاتمة وذكرت فيها

"المسائل النية المأخوذة من كتب الصوفية "

"Dan aku aturkan akan dia atas satu muqaddimah dan empat fasal dan satu khatimah dan aku sebutkan di dalamnya beberapa masalah yang tinggi2 yang diambil daripada beberapa kitab ahli al-tasawwuf".

(*al-Durr al-Nafis* (MSS 225): 3)

Penyusunan kitab *al-Durr al-Nafis* dapat dilihat dengan lebih jelas berdasarkan Jadual 1. Jadual tersebut menunjukkan terdapat empat bahagian utama dalam kitab *al-Durr al-Nafis* (MSS 225) iaitu pendahuluan, kandungan, penutup dan isi tambahan. Kandungan dibahagikan kepada pecahan iaitu *fasal*, *khatimah*, *nuknah*, *tatimmah* dan *takmilah* yang ditulis dengan saiz huruf yang agak besar berbanding tulisan yang lain. Istilah tersebut juga ditulis dengan dakwat yang berwarna merah bagi menampakkan

Jadual 1. Penyusunan isi kandungan kitab *al-Durr al-Nafis* (MSS 225)

Bahagian Utama	Pembahagian	Perbincangan
Pendahuluan		- Perkara yang boleh membatalkan dan menghalang <i>salik</i> daripada sampai kepada Allah S.W.T.
Kandungan	1) <i>Fasal</i>	- <i>Tawhid al-Af'āl</i> - <i>Tawhid al-Asmā'</i> - <i>Tawhid al-Sifāt</i> - <i>Tawhid al-Dhāt</i> - <i>Fanā'</i> dan <i>Baqā'</i>
	2) <i>Khatimah</i>	- Membincangkan berhubung segala martabat <i>Tajallī Dhāt</i>
	3) <i>Nuktah</i>	- Kaifiyat zikir mentauhidkan Allah dan kaifiyat Berselawat. - Ilmu Ladunni. - <i>Ma'rifat</i> Allah. - <i>Fanā'</i> . - Martabat sampai kepada Allah
	4) <i>Tatimah</i> (Penamatian)	- Membincangkan tentang rahsia ilmu Allah, rahsia ilmu hakikat dan ilmu-ilmu yang lain. – <i>Syari'ah, tariqah, haqiqah</i> . – Rahsia ilmu <i>haqiqah</i> . – <i>Maqam wilayah</i> .
	5) <i>Takmilah</i> (Penyempurnaan)	- Membincangkan isu <i>keramat</i>
Penutup		- Kata-kata Syeikh Muhammad Nafis tentang pengharapannya, sedikit maklumat berhubung biografi beliau dan maklumat berhubung penulisan kitab <i>al-Durr al-Nafis</i> . - Selawat dan faedah selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W. (Mungkin penambahan yang dibuat oleh pentashih kitab ini iaitu Syeikh Ahmad al-Fathani).
** Isi Tambahan		

Sumber: Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari, *Durr an-Nafis*, Manusrip (MSS 225), Pusat Manusrip Melayu

pembahagian dan memudahkan pembacaan. Ini memudahkan pengkaji mengategorikan bahagian-bahagian kecil untuk meringkaskan kitab tersebut seperti mana yang akan dibincangkan di bahagian berikutnya. Isi tambahan dalam kitab *al-Durr al-Nafis* merupakan perbincangan mengenai selawat

dan kaedah selawat. Kandungan ini dikatakan penambahan yang dibuat oleh pentashih pertama kitab ini iaitu Syeikh Ahmad al-Fathani (Wan Mohd Shaghir Abdullah 2000: 50). Selain itu, tulisan berbahasa Arab dan ayat-ayat al-Quran turut ditulis dengan menggunakan dakwat berwarna merah bagi membezakannya dengan teks biasa yang ditulis dengan dakwat hitam.

Sumber Rujukan Kitab *al-Durr al-Nafis* (MSS 225)

Dalam penulisan kitab *al-Durr al-Nafis* (MSS 225), pengarang Syeikh Muhammad Nafis turut menyebut sumber rujukan yang digunakannya untuk mengarang kitab tersebut. Rujukan-rujukan ini disebut secara sepantas lalu oleh beliau ketika membahaskan isi kitab *al-Durr al-Nafis*. Ada sebahagian rujukan yang hanya disebutkan nama pengarangnya sahaja tanpa menyebut kitab yang digunakan. Berdasarkan analisis didapati Syeikh Muhammad Nafis menggunakan tiga jenis sumber rujukan iaitu sumber bertulis, sumber lisan dan sumber ilham atau intuisi.

Sumber bertulis di sini adalah al-Quran, al-Hadis dan kitab-kitab ulama muktabar. Penulisan ayat al-Quran dalam *al-Durr al-Nafis* tidak dinyatakan oleh pengarang nama surah dan nombor ayat. Syeikh Muhammad Nafis juga memetik beberapa riwayat hadis antaranya al-Bukhari, manakala sebahagian besar hadis tidak dinyatakan sumber riwayatnya sebaliknya hanya menyebut matan atau teks hadis sahaja. Sumber bertulis yang kerap digunakan adalah kitab-kitab ulama khususnya dalam bidang tasawuf. Jadual 2 menunjukkan beberapa karangan ulama yang banyak digunakan dalam *al-Durr al-Nafis* berdasarkan nama pengarang.

Jadual 2. Karangan ulama yang banyak digunakan dalam *al-Durr al-Nafis* (MSS 225)

Bil	Nama Pengarang	Kuantiti	Judul
1	Shaykh Muhammad Bin 'Abdul al-Karim al-Sammānī	3 buah	1) <i>Ighāthah al-Liḥfān Wa Muānisah al-Wahānī</i> 2) <i>al-Miḥāṭul Muḥammadiyyah</i> 3) <i>'Unwān al-Jalwāh Fi Syā'ni al-Khu'lwāh</i>
2	Shaykh 'Abdul al-Wahāb Sha'rānī	3 buah	1) <i>al-Yawāqīt W al-Jawāhir</i> 2) <i>al-Jawāhir Wa al-Durr</i> 3) <i>Ringkasan Futūḥāt Maḳkiyyah</i>

3	Ibn ‘Arabī	2 buah	1) <i>Futūḥāt Makkīyyah</i> 2) Kitab <i>Fusus</i>
4	al-Ghazālī	2 buah	1) <i>Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn.</i> 2) <i>Minhaj al-‘Ābidīn.</i>

Sumber: Dianalisa dari Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari, *Durr an-Nafis*, Manuskrip (MSS 225), Pusat Manuskrip Melayu.

Jadual 2 menunjukkan bahawa tulisan Shaykh Muhammad Bin ‘Abdul al-Karim al-Samman dan Shaykh ‘Abdul al-Wahab Sha’rani yang paling banyak digunakan dalam *al-Durr al-Nafis* iaitu sebanyak tiga buah. Karangan Shaykh Muhammad Bin ‘Abdul al-Karim al-Samman berjudul *Ighathah al-Lihfan Wa Muanisah al-Wahan*, *al-Minhatul Muhammadiyyah* dan ‘Unwan al-Jalwah Fi Sya’ni al-Khulwah. Manakala karangan Shaykh ‘Abdul al-Wahab Sha’rani iaitu *al-Yawaqit W al-Jawahir*, *al-Jawahir Wa al-Durr* dan *Ringkasan Futuhat Makkīyyah*. Karangan Ibn ‘Arabi dan al-Ghazali masing-masing dua buah. Kebanyakan tulisan ulama lain yang digunakan dalam *al-Durr al-Nafis* adalah sebuah sahaja. Antaranya Shaykh ‘Abdullah Ibn Hijazi Sharqawi Masri kitab *Sharah Waruddu al-Sihr*, Maulana Shaykh Siddiq ‘Umar Khan kitabnya *Sharah Qasidah ‘Ainiyyah*, Maulana Syed ‘Abdullah Bin Ibrahim Maira Ghani kitabnya *Mukhlis Mukhtasar Tuhfat al-Mursalah* dan banyak lagi yang tidak disebutkan di sini. Kitab-kitab yang kerap berulang dalam *al-Durr al-Nafis* adalah seperti pada Jadual 3.

Jadual 3 menunjukkan bahawa kitab *Iḥyā’ ‘Ulum al-Dīn* dan *Sharah Waruddu al-Sihr* merupakan dua buah kitab yang kerap kali berulang dalam *al-Durr al-Nafis* berbanding kitab-kitab yang lain. Kitab-kitab yang tersenarai selain dua buah kitab tersebut disebut sebanyak dua kali dalam kitab *al-Durr al-Nafis*. Manakala kitab-kitab lain yang tidak dinyatakan, hanya disebut sekali dalam kitab ini. Selain sumber-sumber rujukan yang telah dinyatakan, Syeikh Muhammad Nafis juga menggunakan beberapa bahan yang hanya pengarang dinyatakan tanpa menyebut judulnya. Kebiasaan setiap petikan di dahului dengan ayat seperti “sebagaimana kata...” dan “berkata...”. Syeikh Muhammad Nafis telah menaqallkan kata-kata al-Junaidi sebanyak 4 kali, Abu Yazid Bustami sebanyak 3 kali, al-Jilli sebanyak 2 kali, Shaykh Mustafa al-Bakri sebanyak 2 kali, Shaykh ‘Abdul Qadir Jailani dan Imam Abu Qasim al-Qusyairi sebanyak 1 kali (Muhammad Nafis (MSS 225).

Jadual 3. Kitab-kitab yang kerap digunakan dalam *al-Durr al-Nafis* (MSS 225)

Bil	Nama Kitab	Pengarang	Kekerapan
1	<i>Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn.</i>	al-Ghazālī	3 kali
2	<i>Sharah Waruddu al-Sihr</i>	Shaykh ‘Abdullāh Ibn Ḥijāzī Sharqāwī Maṣrī	3 kali
3	<i>Minhaj al-‘Ābidīn.</i>	al-Ghazālī	2 kali
4	<i>Sharah Qaṣidah ‘Ainiyyah</i>	Maulānā Shaykh Ṣiddīq ‘Umar Khān	2 kali
5	<i>Tuhfat al-Mursalah</i>	Maulānā Syed ‘Abdullāh Bin Ibrāhīm Maira Ghānī	2 kali
6	<i>Sharah Ḥikam Ibn Ruslān.</i>	Shaykh Islām Ibn Ruslān.	2 kali
7	<i>al-Jawāhir Wa al-Durr Ra’yu Mingāl.</i>	Shaykh ‘Abdul al-Wahāb Sha’rānī	2 kali
8	<i>Sharah Ḥikam Ibn A’ṭāillāh.</i>	Shaykh Ibn ‘Ibād	2 kali

Sumber: analisa dari Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari, *Durr an-Nafis*, Manuskrip (MSS 225), Pusat Manuskrip Melayu.

Syeikh Muhammad Nafis juga menggunakan sumber lisan dalam penulisan kitab *al-Durr al-Nafis*. Kebiasaan beliau mengambil kata-kata para gurunya dan para ulama lain dengan mengikuti majlis ilmu secara langsung. Beliau menyatakan pembelajarannya di Masjid al-Haram. Berikut merupakan petikan teks:

“Syahadan kata Shaykhina al-‘Ulamah Maulana al-Shaykh Yusuf Abu Dharrah al-Misriy pada ketika tadris (sic.) di dalam masjid al-Haram tiada harus mengatakan kejahatan itu daripada Allah Ta’āla melainkan pada maqam ta’lim jua intahi”.

(*al-Durr al-Nafis* (MSS 225) : 11)

“Kata Shaykhina al-‘Ulamah Maulana al-Shaykh Yusuf Arziy Misriy rahimahullah pada ketika ia dirasnya di dalam masjid al-Haram”.

(*al-Durr al-Nafis* (MSS 225) : 61)

Petikan tersebut menunjukkan bahawa Syeikh Muhammad Nafis turut menggunakan sumber lisan dalam penulisan *al-Durr al-Nafis*, di mana beliau telah bertalaqqi dengan Shaykh Abu Yusuf Abu Dharrah al-Misri dan Shaykh Yusuf Arziy Misri. Syeikh Muhammad Nafis juga menggunakan sumber ilham atau intuisi yang merupakan salah satu daripada sumber ilmu pengetahuan atau epistemologi dalam Islam (Basri Husin 2008: 50). Sumber ini

kebiasaannya dibahaskan dalam ilmu tasawuf. Kajian mendapati, Syeikh Muhammad Nafis juga menggunakan sumber ini dalam penulisan *al-Durr al-Nafis*. Berikut merupakan petikan teks:

“Pada hal aku meminta tolong kepada Allah Ta‘ala dan berpegang atasnya pada mentahqiqkan yang dituntut dan yang dimaksudkan atas sekira2 barang yang zahir ia bagiku daripada segala perkataan orang yang mempunyai mannah dan shuhud”.

(*al-Durr al-Nafis* (MSS 225) : 2)

Syeikh Muhammad Nafis berharap dan memohon kepada Allah agar apa yang diusahakannya selaras dengan apa yang dituntut. Hakikatnya segala ilmu pengetahuan dan sesuatu idea itu sebenarnya datang daripada Allah S.W.T.

KEISTIMEWAAN KITAB *AL-DURR AL-NAFIS* (MSS 225)

Penggunaan Metode Kiasan/Metode *al-Qiyas*

Kajian mendapati bahawa salah satu keistimewaan kitab *al-Durr al-Nafis* yang dapat digariskan di sini adalah penggunaan metode kiasan atau metode *al-Qiyas* dalam membahaskan berhubung ilmu tasawuf. Ia bertujuan untuk memudahkan pemahaman kepada mereka yang membaca kitab ini. Bagaimanapun, perlu ditegaskan di sini bahawa perumpamaan tersebut bukanlah bermaksud untuk menyamakan setiap sesuatu dengan Allah Taala, malah Dia jauh berbeza daripada apa yang dibandingkan. Cuma di sini dijelaskan bahawa perumpamaan tersebut hanya sekadar misal untuk mendekatkan fahaman, tetapi ia bukan bermaksud tepat. Sesungguhnya Allah itu Esa dan tiada perumpamaan bagiNya.

Daripada penganalisaan teks *al-Durr al-Nafis* mendapati terdapat sepuluh petikan yang menggunakan metode ini. Berikut merupakan antara petikan teks tersebut:

“Maka adalah segala makhluk hamba itu seperti ufama [umpama] wayang yang diperlakukan akan dia oleh dalang barang bagi jenis kelakuan maka seperti tiada bagi wayang itu pun perbuatan sendirinya demikian itulah hamba dengan Tuhan”.

(*al-Durr al-Nafis* (MSS 225) : 7)

“Seperti qalam orang yang menyuruh adalah yang menjadikan huruf itu orang yang menyuruh juu dan qalam itu menjadi alat persandaran

menyuruh juu adalah hamba itu seperti qalam tiada baginya perbuatan dan hanya yang berbuat itu orang yang menyuruh juu”.

(*al-Durr al-Nafis* (MSS 225) : 10)

Petikan teks di atas menggambarkan bahawa segala perbuatan daripada Allah S.W.T. Petikan tersebut mengumpamakan makhluk seperti wayang (hamba) di mana setiap pergerakannya ditentukan oleh si dalang (Tuhan). Di samping itu, pena atau *qalam* juga diperumpamakan seperti makhluk di mana ia merupakan alat yang hanya mengikut kehendak si penulis (Tuhan).

Kajian mendapati sebahagian bentuk kiasan ini diambil oleh Syeikh Muhammad Nafis daripada kata-kata ulama dan sebahagiannya diperumpamakan sendiri oleh beliau. Metode ini memudahkan pemahaman untuk memahami konsep yang agak sukar berhubung dengan ilmu tasawuf peringkat tinggi seperti *al-Durr al-Nafis*. Walau bagaimanapun, bukanlah bermaksud ingin menyamakan Tuhan dan makhluk dengan membandingkan kejadian-kejadian yang ada ini. Sebaliknya ia bertujuan untuk memudahkan pemahaman sahaja.

Penghuraian Istilah-istilah Tasawuf

Bukan semua karya persuratan Melayu menghuraikan istilah-istilah dalam penulisan karya. Kitab *al-Durr al-Nafis* menghuraikan istilah-istilah yang berkaitan dengan ilmu tasawuf. Ini merupakan salah satu keistimewaan kitab tersebut berbanding kitab-kitab yang lain. Penghuraian istilah tasawuf ini penting kerana ia mempunyai maksud tersendiri yang perlu difahami untuk mengelak salah faham maksud yang ingin disampaikan penulis. Ibn Khaldun menjelaskan bahawa golongan sufi mempunyai suatu tingkah laku yang tersendiri dan bahasa yang khusus dalam pengajaran. Istilah-istilah khusus ini dicipta untuk memudahkan pemahaman dalam pembelajaran dengan memahami idea-idea tertentu. Dengan ini, ahli sufi memiliki disiplin ilmunya tersendiri yang tidak dibicarakan oleh ahli undang-undang syariat (Ibn Khaldun 2006 : 633). Justeru, Syeikh Muhammad Nafis turut mengambil langkah untuk menghuraikan istilah-istilah ketika mengupas tentang ilmu tasawuf dalam *al-Durr al-Nafis*.

Hasil penganalisisan mendapati terdapat 24 istilah dalam disiplin tasawuf dihuraikan dalam *al-Durr al-Nafis*. Berikut merupakan antara petikan teks tentang istilah dan huraian yang dibuat:

Mubasharah atau Tawalud

“Perbuatan dengan mubasharah itu iaitu yang beserah dengan qudrat yang baharu seperti kuruq [gerak] qalam pada tangan orang yang menyurat dan ertinya perbuatan dengan tawalud itu iaitu yang jadi daripada perbuatan yang mubasharah”.

(*al-Durr al-Nafis* (MSS 225) : 5)

Mushahadah

“Berpandangan dan nyata dan bercampurlah dengan pandanganmu itu zahir mu dan batin mu”.

(*al-Durr al-Nafis* (MSS 225) : 6)

“Kelihatan olehmu di dalam sirmu akan bahwasanya segala perbuatan itu perbuatan Allah dan segala asma’ itu asma’ Allah dan segala sifat itu sifat Allah dan segala wujud itu wujud Allah”.

(*al-Durr al-Nafis* (MSS 225) : 64)

Majdhub

“Orang yang diambil Allah Ta‘ala dengan terkejut serta diberinya tahu akan mengenal dhatNya dan sifatNya dan asma’Nya dan af‘alNya daripada tidak mengerjakan ibadah dan tiada talqin kepada guru dan tiada dengan ijazah mashaikh”.

(*al-Durr al-Nafis* (MSS 225) : 14)

Fana’

“Tiada dilihat oleh hamba akan segala perbuatan itu daripadanya (*sic.*) dilihat akan Allah Ta‘ala jua yang mengqaimkan dia demikian lagi asma’Nya dan sifatNya dan dhatNya”.

(*al-Durr al-Nafis* (MSS 225) : 37)

Petikan-petikan di atas merupakan antara petikan *al-Durr al-Nafis* yang menghuraikan istilah tasawuf. Istilah-istilah tersebut merupakan istilah sufi yang berasal daripada bahasa Arab dan memerlukan penjelasan lanjut.

PENDEKATAN KITAB AL-DURR AL-NAFIS (MSS 225)

Hasil daripada penganalisaan mendapati bahawa kitab *al-Durr al-Nafis* mengetengahkan fahaman wahdatul wujud. Wahdatul wujud merupakan satu aliran daripada tasawuf yang berbentuk falsafah. Aliran ini sangat menekankan tentang pengesaan Allah Taala dengan sebenar-benar pengesaan di mana hanya wujud *al-Haq* sahaja merupakan wujud hakikat. Aliran ini tidak lekang daripada polemik dari

awal keberadaannya sehingga saat ini sama ada di Timur Tengah mahupun di Nusantara.

Kitab *al-Durr al-Nafis* membincangkan tentang beberapa *maqam* yang perlu dilalui para *salik*. *Maqam* tersebut adalah *maqam Tawhid al-Af‘al*, *al-Sifat*, *al-Asma’* dan *al-Dhat*. Menurut beliau, para *salik* perlu terlebih dahulu menjauhi perkara-perkara yang menghalang dan membatakan *salik* untuk sampai kepada makrifat Allah. Seorang *salik* perlu *shuhud* bahawa setiap perbuatan, sifat, nama dan zat adalah daripada Allah Taala. Berikut merupakan antara petikan teks tentang *Tawhid al-Af‘al*:

“Tawhid al-af‘al ertinya mengesakan Allah Ta‘ala pada segala perbuatan ketahui olehmu hai salik bahwasanya tiada yang melepaskan akan dikau daripada segala perkara bahaya yang tersebut itu melainkan pandanganmu dan shuhudmu akan bahwasanya segala perbuatan yang berlaku di dalam alam ini sekaliannya daripada Allah Ta‘ala sama ada perbuatannya itu baik pada rupanya dan pada hakikatnya seperti iman dan taat atau jahat pada rupanya tiada pada hakikatnya seperti kafir dan maksiat kerana kafir dan maksiat itu pada hakikatnya baik jua kerana terbit daripada yang baik iaitu daripada Allah Ta‘ala dan tiap2 yang terbit daripada Allah Ta‘ala itu baik jua pada hakikatnya tetapi jahat keduanya pada rupanya kerana syarak datang ia mencela akan dia”.

(*al-Durr al-Nafis* (MSS 225) : 4)

Petikan di atas menjelaskan bahawa setiap perbuatan makhluk semuanya daripada Allah. Setiap *salik* perlu *shuhud* bahawa perbuatan baik atau jahat adalah daripada Allah. Perbuatan yang jahat itu dilihat tercela kerana syariat telah membataskannya, namun semua itu pada hakikatnya baik kerana ia datang daripada sumber yang baik iaitu Allah. Walau bagaimanapun, kitab *al-Durr al-Nafis* menegaskan bahawa para *salik* tidak boleh melanggar syariat Muhammad. Ini bermaksud para *salik* perlu melakukan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang ditegah syariat.

Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari cuba mengetengahkan bahawa hakikat kewujudan (*majud*) ini sebenarnya merupakan *mazhar* Allah Taala dan yang sebenarnya wujud adalah Allah Taala. Setiap kejadian adalah *fana’* di bawah *dhat* Allah Taala. Pendekatan yang diketengahkan ini jika dilihat dari suatu sudut lain mampu menyedarkan diri manusia bahawa dirinya adalah makhluk yang tidak dapat lari daripada penciptanya. Setiap sesuatu kejadian itu hanyalah *mazhar* daripada kewujudan Tuhan semata-mata, justeru manusia akan sedar dan tidak angkuh serta sompong apabila faham hakikat kewujudan ini.

Dalam kitab *al-Durr al-Nafis* juga menjelaskan tentang martabat *tajalli dhat* atau *tanazzul dhat*. Ia juga lebih dikenali sebagai martabat tujuh yang membincangkan tentang hakikat kejadian. Martabat tersebut ialah Martabat *Ahadiyyah*, Martabat *Wahdah*, Martabat *Wahidiyyah*, Martabat ‘alam arwah, Martabat ‘alam al-mithal, Martabat *tajalli dan libas*. Pendekatan ini diasaskan pada peringkat awal oleh Ibn ‘Arabi (1240 M) yang kemudiannya mempengaruhi Shaykh ‘Abdul Karim Bin Ibrahim al-Jili (805 H) yang kemudiannya mempengaruhi pula seorang sufi dari Gujerat iaitu Muhammad Fadlullah al-Burhanfuri¹ (1029 H/1620 M) yang telah mengembangkan teori tersebut dengan istilah Martabat Tujuh. Jika dilihat, pendekatan ini sangat berkaitan dengan wahdatul wujud. Daripada perbincangan-perbincangan ini dapatlah disimpulkan bahawa kitab *al-Durr al-Nafis* membawa pendekatan tasawuf wahdatul wujud.

KESIMPULAN

Hasil penganalisaan yang dibuat dapat dirumuskan bahawa kitab *al-Durr al-Nafis* mempunyai nilainya tersendiri. Bukan sahaja bernali dari segi idea pemikiran, malah bernali sebagai rujukan dari segi corak penulisan ilmiah. Warisan persuratan Melayu Islam ini mempunyai pengaruh yang luas sehingga mampu menonjolkan ketokohan pengarangnya Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari sebagai tokoh sufi. Walaupun pendekatannya menjurus kepada aliran wahdatul wujud, namun kitab ini tidak seharusnya diketepikan begitu sahaja. Ia perlu dijadikan sebagai bahan dalam kajian yang lebih fokus lagi.

NOTA

¹ Muhammad Fadlullah al-Burhanfuri merupakan orang pertama yang mengketengahkan ‘Martabat Tujuh’ melalui karyanya *Tuhfatul Mursalah Ila Ruh al-Nabi*. Sebelum wujudnya martabat tujuh, telah wujud beberapa versi yang lain antaranya lima martabat oleh Qunawi (1237 M), enam martabat oleh al-Farhani (1300 M) dan banyak lagi. UIN Syarif Hidayatullah, *Ensiklopedia Tasawuf*: 801.

RUJUKAN

- Ahmadi Isa. 1996. Ajaran Tasawuf Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari. Disertasi Sarjana, IAIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.
 Basri Husin. 2008. Ilham sebagai sumber epistemologi Islam: Analisis terhadap al-Risalah al-Ladunniyyah karya al-Ghazali. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Ibn Khaldun. 2006. *Mukadimah Ibn Khaldun*, terj. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
 Kautsar Azhari Noer. 2008. Pengaruh Wahdat al-Wujud dalam pemikiran Islam di Nusantara. Dlm. Abdul Ghafar Hj. Don, Othman Hj. Talib et al. (Ed.) *Isu-isu Dalam Dakwah, Tarekat Tasawuf & Ajaran Sesat Di Malaysia*. Bangi : UKM.
 Kamarudin Ali. 1998. Hadis-hadis di dalam kitab al-Durr al-Nafis: Takhrir dan ulasan. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
 Maimunah Zarjasyi. 2008. Pemikiran Tasawuf Muhammad Arsyad al-Banjari dalam Risalah Fath al-Rahman dan Kanz al-Ma’rifah. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
 Muhammad Nafis al-Banjari. *al-Durr al-Nafis*, Manuscrip (MSS 225). Kuala Lumpur: Pusat Manuscrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia.
 Noriza Salleh. 2011. Pengenalan ringkas Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari. Dlm. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV*. Bangi: UKM.
 Perpustakaan Negara Malaysia. (t.t.). *Katalog Manuscrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia*. Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia.
 Tim Sahabat. 2010. *Seri Manakib Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari dan ajarannya*. Kalimantan Selatan: SAHABAT.
 UIN Syarif Hidayatullah. 2008. *Ensiklopedia Tasawuf*. Jilid 3. Bandung: Penerbit Angkasa Bandung.
 Van Bruinessen, M. 1993. Studi Tasawuf Pada Akhir Abad Ke-18M: Amalan Dan Bacaan ‘Abd al-Samad al-Falimbani, Nafis al-Banjari Dan Tarekat Sammaniyyah. Dlm. Laporan Seminar Nilai Tasawuf Dalam Abad Modern, IAIN Antasari.
 Wan Mohd Shaghir Abdullah. 1993. Fikrah wawasan tokoh dunia Melayu *Majalah Dewan Budaya, Dakwah, Al-Islam Dan Kiblat*, (Julai 1993), 34.
 Wan Mohd Shaghir Abdullah. 2000. *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*. Jilid 8. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniah.
 Wan Mohd Shaghir Abdullah. 2004. *al-Ma’rifah Pelbagai Aspek Tasawuf Di Nusantara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
 Wan Mohd Shaghir Abdullah. 2009. *Koleksi Ulama Nusantara*. Jilid 2. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniah.